

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



BULETIN KM BIL. 1/2025

PERKONGSIAN MAKLUMAT SEMASA KEPADA WARGA JANM

ISI KANDUNGAN

Perutusan Akauntan Negara Malaysia	1
------------------------------------	---

Perakaunan Aset Dalam Pembinaan	2
---------------------------------	---

Kecerdasan Emosi: Pemacu Kepimpinan Cemerlang dalam Sektor Awam Malaysia	3
--	---

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	8
--	---

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan: Instrumen Strategik Pengurusan Kewangan Negara	14
---	----

<i>Management Tools</i> Sektor Awam	17
-------------------------------------	----

Pemantauan SAGA di Bahagian Akaun Kementerian Kewangan	18
--	----

Mengaplikasikan Taksonomi Bloom Dalam Pembangunan Kompetensi	22
--	----

Sidang Pengarang	25
------------------	----



PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama merealisasikan usaha dalam memperkukuh amalan *Knowledge Management* (KM) di JANM dan menghasilkan naskah ilmu serta wadah perkongsian pengetahuan pada tahun ini.

Dalam era digital yang serba pantas ini, maklumat dan pengetahuan merupakan aset paling berharga dalam memastikan daya saing dan kelestarian organisasi. Justeru, KM bukan sekadar satu konsep, tetapi merupakan satu keperluan strategik yang utama untuk memperkasakan prestasi, membudayakan inovasi dan memastikan pengetahuan tersirat (tasit) dan tersurat (eksplisit) diuruskan secara berkesan dan sistematik.

Inti pati Buletin KM pada kali ini mengandungi tujuh (7) fokus iaitu perakaunan Aset Dalam Pembinaan, kepentingan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP), pengurusan kualiti dalam pelaksanaan naziran, keperluan kecerdasan emosi, dan kepentingan taksonomi bloom.

Pada tahun ini, beberapa aktiviti telah dirancang bagi memperkukuh pelaksanaan KM di JANM antaranya aktiviti perkongsian ilmu di semua JANM Bahagian/ Negeri/ Cawangan, penerbitan Buletin KM sebanyak dua (2) kali setahun serta pelaksanaan Hari KM tahun 2025 yang akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2025.

Selain daripada itu, pada bulan Mei 2025 JANM juga telah menghantar pegawai daripada IPN untuk menghadiri *Knowledge Management Certificate Programme* (KMCP). Saya amat berharap agar ilmu yang dipelajari sepanjang program tersebut dapat dipraktikkan dalam pelaksanaan KM di JANM kelak.

Melalui inisiatif ini, saya berharap ia dapat mewujudkan budaya kerja yang menghargai perkongsian ilmu, mempertingkatkan kecekapan organisasi dan menyemai semangat pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga JANM.

Akhir kata, saya amat berharap agar segala aktiviti KM pada tahun 2025 yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi mencapai objektif pelaksanaan KM.

Sekian, terima kasih.



YBHG. DATUK NOR YATI BINTI AHMAD C.A.(M)
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PERAKAUNAN ASET DALAM PEMBINAAN

PENGELASAN SEMULA ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)

1 Pengelasan Semula

- AUC diklasifikasikan semula sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) setelah siap dengan memuaskan dan diambil alih pada tarikh yang dinyatakan dalam Sijil Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion - CPC*) atau dokumen setara yang lain.
- AUC dihapusira (*written off*) apabila projek sakit dibatalkan.
- Sekiranya projek sakit diteruskan, semua kos langsung yang berkaitan dengan penerusan projek hendaklah dipermodalkan sebagai AUC.

2 Pengiktirafan Kos

Kos AUC akan diiktiraf mengikut kemajuan projek dan terhenti apabila aset siap dan sedia untuk digunakan.

ASET DALAM PEMBINAAN (AUC) UNTUK PIHAK KETIGA

1 Takrifan

Aset yang dibina dengan menggunakan peruntukan Kementerian/ Jabatan yang bukan untuk kegunaan sendiri dan akan diserahkan kawalannya kepada pihak yang lain di luar entiti pelaporan (pihak ketiga) setelah siap.

2 Pelarasan

- AUC untuk pihak ketiga diiktiraf sebagai belanja.
- Sekiranya tiada bukti/dokumen yang menyatakan AUC adalah untuk pihak ketiga, ia kekal diakaunkan sebagai AUC sehingga pengesahan diperolehi.

3 Perubahan Hala Tuju

- Sekiranya perubahan halatuju projek pembinaan untuk pihak ketiga berlaku semasa pembinaan, aset kekal diklasifikasikan sebagai AUC.
- Sekiranya perubahan berlaku selepas siap, aset diklasifikasikan semula sebagai HLP berdasarkan kos atau nilai saksama

PELAKSANAAN PELARASAN SECARA PROSPEKTIF MULAI PADA 1 JANUARI 2024



- Tiada pelarasan perlu dibuat ke atas sebarang projek AUC yang telah selesai dan telah diperakaunkan sebagai HLP (berdasarkan tarikh CPC) sebelum tarikh kuat kuasa.

KECERDASAN EMOSI: PEMACU KEPIMPINAN CEMERLANG DALAM SEKTOR AWAM MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

"Jika kecerdasan intelek (IQ - *Intelligence Quotient*) ialah bahan api kepada pemikiran, maka kecerdasan emosi (EQ - *Emotional intelligence*) ialah stereng yang menentukan haluan seseorang dalam dunia pekerjaan."



Dalam era transformasi pentadbiran awam yang sarat dengan kemajuan teknologi digital, perubahan dasar dan peningkatan ekspektasi pemegang taruh dan masyarakat, keupayaan teknikal semata-mata tidak lagi menjadi ukuran tunggal kecemerlangan seseorang penjawat awam. Kini, semakin terserlah bahawa kecerdasan emosi menjadi pemacu utama yang menyemarakkan nilai-nilai kemanusiaan dalam pentadbiran — membentuk pemimpin yang bukan sahaja cekap, bahkan empati serta mudah menyesuaikan diri dengan perubahan.

2.0 EQ: MENYINGKAP LAPIS EMOSI INSANI

EQ ialah "cahaya matahari yang meresap masuk", menghangatkan ruangnya agar lebih mesra, selesa dan lestari untuk warga kerja.

Tanpa EQ, seseorang pegawai hanyalah robot yang mengenakan pakaian rasmi. Namun, dengan EQ, mereka menjadi individu yang bersifat manusiawi, berprinsip dan berperikemanusiaan — mampu menangani tekanan dan mencetuskan perubahan positif.

2.1 Takrif dan Dimensi

Daniel Goleman (1995), tokoh terkemuka dalam bidang kecerdasan emosi, mentakrifkan EQ sebagai keupayaan seseorang individu untuk mengenal pasti, memahami, mengawal dan memanfaatkan emosi secara positif dalam konteks hubungan sosial dan profesional. EQ merangkumi lima (5) dimensi asas iaitu:

- 2.1.1 Kesedaran diri (*self-awareness*)
- 2.1.2 Kawalan diri (*self-regulation*)
- 2.1.3 Motivasi intrinsik (*internal motivation*)
- 2.1.4 Empati (*empathy*)
- 2.1.5 Kemahiran sosial (*social skills*)

Dalam metafora psikologi, EQ diumpamakan seperti kompas emosi yang membantu penjawat awam mengemudi badai tekanan, konflik dalaman organisasi dan tuntutan perkhidmatan berorientasikan rakyat.

2.2 Sorotan Kajian Tempatan: Menelusuri Realiti di Malaysia

Beberapa kajian dalam negara membuktikan peranan signifikan EQ dalam meningkatkan keberkesanan pentadbiran awam:

- Kajian oleh Hussin, Ahmad dan Othman (2017) ke atas pegawai sektor awam menunjukkan wujud hubungan positif antara tahap EQ dengan keberkesanan kepimpinan transformasi, terutamanya dalam agensi penguat kuasa dan kementerian kerajaan.
- Laporan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) mengesahkan bahawa latihan berasaskan EQ berjaya meningkatkan prestasi kerja, menurunkan kadar keletihan emosi (*burnout*) dan menggalakkan hubungan yang lebih sihat antara ketua dan anggota organisasi.
- Dalam satu kajian kes oleh Universiti Utara Malaysia (UUM), ketua jabatan yang mempunyai tahap empati dan kesedaran diri yang tinggi didapati lebih berjaya menyelesaikan konflik tempat kerja serta mewujudkan suasana kerja yang harmoni. Oleh itu, terbukti bahawa EQ bukan sekadar elemen tambahan dalam pentadbiran awam, malah merupakan elemen teras kepada keberkesanan perkhidmatan.

2.3 EQ dalam Budaya Organisasi Sektor Awam

EQ boleh diibaratkan sebagai "minyak pelincir yang tidak kelihatan" dalam mesin pentadbiran — walaupun tidak menonjol, fungsinya amat penting dalam memastikan kelancaran organisasi. Berikut ialah contoh penerapan EQ dalam konteks sektor awam:

Dimensi EQ	Aplikasi dalam Perkhidmatan Awam
Kesedaran diri	Pegawai menyedari emosi peribadi lalu mengurus tekanan akibat aduan awam
Kawalan diri	Ketua jabatan dapat bertindak secara rasional dalam krisis dasar atau teguran media
Empati	Pegawai kaunter memahami kesukaran dan emosi pelanggan semasa berurusan
Kemahiran sosial	Membina jaringan kerjasama strategik antara agensi dan memudahkan komunikasi rentas jabatan

Tanpa EQ, organisasi akan menjadi ibarat mesin yang beroperasi dalam kekeringan emosi tanpa pelincir menyebabkan mesin tersebut cepat rosak dan akhirnya kehilangan kepercayaan rakyat.

2.4 Cabaran dalam Pelaksanaan EQ di Perkhidmatan Awam

Namun begitu, pelaksanaan EQ secara meluas dalam perkhidmatan awam menghadapi beberapa kekangan:

- Budaya hierarki yang kaku, yang mengekang komunikasi dua hala dan mengurangkan interaksi empatik antara lapisan jawatan.
- Sistem penilaian prestasi yang lebih menumpukan kepada pencapaian angka, berbanding kemahiran insaniah dan kesejahteraan emosi pegawai.
- Kekurangan latihan berkaitan EQ, kerana kebanyakan program latihan masih tertumpu pada aspek teknikal dan prosedural semata-mata.

Jika halangan ini tidak ditangani, kita akan terus menghadapi struktur perkhidmatan yang cekap dari segi sistem, tetapi kering dari segi sentuhan insani.

2.5 Cadangan Strategi Meningkatkan EQ dalam Sektor Awam

Bagi memperkukuh budaya kerja yang lebih empati dan manusiawi, dicadangkan beberapa inisiatif berikut:

2.5.1 Integrasi Modul EQ dalam Program Latihan INTAN dan IPN

Latihan seperti pengurusan stres, komunikasi berasaskan emosi dan kesedaran sendiri perlu menjadi modul wajib bagi penjawat awam di semua peringkat.

2.5.2 Pembangunan Sistem Penilaian Prestasi Berasaskan EQ

Kaedah seperti penilaian 360 darjah boleh digunakan untuk menilai aspek interpersonal, empati dan kemahiran mendengar.

2.5.3 Kepimpinan sebagai Teladan EQ

Ketua jabatan perlu menjadi model kepada tingkah laku beretika, terkawal secara emosi dan prihatin terhadap kesejahteraan anggota pasukan.

2.5.4 Penerapan Teknologi untuk Pemantauan Psikoemosi

Penggunaan sistem analitik data dalam platform e-pembelajaran dan maklum balas HRMIS boleh membantu mengesan tekanan kerja sebelum menjadi parah.

3.0 KESIMPULAN

Kecerdasan emosi bukan lagi kemahiran pilihan, tetapi suatu keperluan strategik dalam pembinaan modal insan sektor awam. Dunia baharu pentadbiran awam menuntut penjawat awam yang bukan sahaja cekap melakar dasar, tetapi juga mahir menyantuni rakyat.

"EQ ialah suara hati dalam setiap surat rasmi, sentuhan manusia dalam setiap prosedur dan cahaya nilai insani dalam gelap birokrasi."

Jika Malaysia ingin muncul sebagai negara berpendapatan tinggi dengan budaya kerja berintegriti, pembangunan modal insan yang tinggi tahap kecerdasan emosinya perlu diberi keutamaan.

4.0 RUJUKAN

- i. Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. Bantam.
- ii. Hussin, N., Ahmad, N.H. & Othman, A.R. (2017). *Emotional Intelligence and Leadership Effectiveness in Malaysian Public Sector*. *Journal of Administrative Science*, 14(2).
- iii. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). (2019). *Laporan Latihan Emosi dan Kepimpinan Transformasi Sektor Awam*.
- iv. Universiti Utara Malaysia (UUM). (2021). *Kajian Kes: Kepimpinan Emosi dalam Pentadbiran Awam Negeri Kedah*.

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 PERKHIDMATAN PENGURUSAN NAZIRAN BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP) DAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN (JANM NS)

1. PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015

NILAI BERSAMA

Nilai bersama 'SPECIAL' untuk memastikan penguatkuasaan dan pematuhan kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965, serta mencapai keputusan berkesan melalui pengurusan sumber manusia

DASAR KUALITI

Dasar Kualiti yang komited untuk pengurusan kewangan awam, memastikan sistem perakaunan efisien dan pematuhan terhadap piawaian yang ditetapkan dalam pelaksanaan SPK

VISI DAN MISI

Visi dan Misi untuk memastikan kepuasan berkepentingan, penambahbaikan berterusan dalam sistem pengurusan, serta akauntabiliti dan ketelusan yang diperlukan dalam setiap proses.

Pengenalan MS ISO

Pengenalan kepada MS ISO 9001:2015 sebagai Sistem Pengurusan Kualiti yang menekankan kepuasan pelanggan dan budaya kualiti berterusan dalam perkhidmatan pengurusan naziran.

PELAKSANAAN SPK


Pelaksanaan SPK yang berkesan adalah kunci kepada pengurusan operasi Pejabat Perakaunan yang progresif dan berkualiti, merangkumi semua elemen yang disenaraikan dalam laporan ini.

OBJEKTIF PELAKSANAAN

Objektif pelaksanaan untuk mencapai akauntabiliti yang tinggi, sistem pengurusan yang teratur, dan keputusan yang berkesan dalam pengurusan naziran.

2. CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA MS ISO 9001:2015

CARTA ORGANISASI
JAWATANKUASA INDUK MS ISO 9001:2015 PENGURUSAN NAZIRAN TAHUN 2025



3. SEMPADAN DAN KESESUAIAN PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015

Skop Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah 'Perkhidmatan Pengurusan Naziran'



PELAKSANAAN

Sempadan dan kesesuaian pelaksanaan skop dilaksanakan oleh BPOPP dan JANM Negeri Sembilan berdasarkan penentuan skop Pengurusan Naziran, penentuan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi naziran tahun semasa dan pelaporan naziran yang disatukan ke Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) adalah dilaksanakan di BPOPP



PELAKSANAAN

Perancangan, pelaksanaan, tindakan susulan dan pelaporan naziran ke Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian selaku proses utama beserta proses-proses sokongan bagi pelaksanaan naziran dan pengurusan bagi memastikan pelaksanaan naziran yang berkesan adalah dilaksanakan di JANM NS

4. SKOP PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015

Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang berkesan

PERANCANGAN PELAKSANAAN

Rancangan dan KPI tahunan

Menyusun perancangan dan menetapkan KPI naziran tahunan untuk **memantau prestasi** dan keberkesanan pelaksanaan.

PELAPORAN NAZIRAN

Melaporkan kepada PTJ dan BA

Melaksanakan pelaporan naziran ke PTJ dan BA Kementerian adalah untuk meningkatkan pendedahan dan memastikan akauntabiliti.

PENENTUAN SKOP

Definisi skop pengurusan naziran

Menentukan skop pengurusan naziran yang jelas adalah penting untuk mencapai **sasaran kualiti** dalam perkhidmatan.

TINDAKAN SUSULAN

Mengambil tindakan berasaskan laporan

Tindakan susulan perlu diambil berdasarkan laporan naziran untuk memperbaiki proses dan memastikan kualiti perkhidmatan.

PROSES SOKONGAN

Menyokong pelaksanaan naziran

Naziran menyediakan proses sokongan yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan naziran berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat kualiti.

5. SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN PROSES

PENGURUSAN SUMBER

Sumber mencukupi untuk pelaksanaan yang berkesan

PERANCANGAN PROSES

Input dan output proses dikenalpasti



RISIKO DAN PELUANG

Kenalpasti dan nilai risiko serta peluang



TANGGUNGJAWAB STAFF

Staf melaksanakan SPK mengikut prosedur



DOKUMENTASI PROSES

Dokumentasi maklumat diselenggara dengan baik




PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

SPK ditambah baik secara berterusan



5. SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN PROSES

Turutan dan interaksi proses berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti seperti Jadual: JANM-MK/08 Carta Pemetaan Perkhidmatan BPOPP dan JANM NS



6. PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 PERKHIDMATAN PENGURUSAN NAZIRAN BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP) DAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN (JANM NS)



Pensijilan MS ISO 9001:2015

Perkhidmatan Pengurusan Naziran



BIL	PERKARA	TARIKH
1	Initial Assessment Date	27 Oktober 2022
2	Certificate Date	31 Oktober 2022
3	Expiry Date	30 Oktober 2025
4	2 nd Year Audit	30 September 2023
5	3 rd Year Audit	30 September 2024

- BPOPP dan JANM Negeri Sembilan menerima pensijilan MS ISO 9001:2015 pada 31 Oktober 2022 sebagai pengiktirafan sistem pengurusan berkualiti.
- Persijilan semula MS ISO 9001:2015 dijangka sebelum 30 Oktober 2025 bagi memastikan kesinambungan sistem pengurusan kualiti.

7. RUMUSAN

Rumusan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 oleh JANM NS melalui BPOPP membuktikan komitmen terhadap pengurusan kewangan awam yang kukuh, dengan penekanan kepada pematuhan dasar, penambahbaikan berterusan dan kepuasan pihak berkepentingan

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN: INSTRUMEN STRATEGIK PENGURUSAN KEWANGAN NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) merupakan dokumen rasmi yang disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia selaras dengan kehendak Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Dokumen ini perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Parlimen mengikut kehendak Seksyen 16(2) akta yang sama. PKKP yang disediakan ini adalah berasaskan tunai ubahsuai.

PKKP memperincikan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan Kerajaan, termasuk laporan transaksi kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan yang telah diperuntukkan oleh Parlimen setiap tahun. Sehubungan itu, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan menerbitkan Buku PKKP yang telah diaudit dan dibentangkan di Parlimen untuk makluman orang awam melalui portal JANM setiap tahun.

Meskipun dokumen ini mudah diakses dan dimuat turun, penulis berpendapat bahawa ramai dalam kalangan masyarakat, khususnya penjawat awam, kurang memberi perhatian terhadap kandungannya. Kebanyakan mereka mungkin menganggap PKKP sebagai laporan yang sarat dengan angka yang membosankan dan tidak penting untuk diteliti. Hakikatnya, PKKP membawa naratif penceritaan ilmiah yang sangat bermakna untuk digunakan oleh penjawat awam dalam membuat penilaian yang adil ke atas dasar-dasar dan tindak tanduk Kerajaan dalam merencanakan pembangunan negara untuk kesejahteraan rakyatnya.

Komponen Utama Penyata Kewangan Kerajaan

Penjawat awam, terutamanya yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan perakaunan, perlu memahami isi kandungan, struktur serta kepentingan PKKP bagi melaksanakan tugas dengan cekap, mematuhi dasar kewangan semasa dan menyokong inisiatif-inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan. PKKP terdiri daripada beberapa komponen utama, iaitu:

1. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan

Penyata ini menunjukkan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan pada suatu tarikh pelaporan yang disediakan mengikut prinsip perakaunan yang telah ditetapkan. PKKP semasa merupakan laporan yang dikeluarkan berasaskan perakaunan asas tunai ubahsuai yang mana pengiktirafan transaksi direkodkan hanya apabila tunai diterima atau tunai dibayar. Komponen-komponen yang terdapat dalam laporan ini adalah maklumat wang awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan. Wang awam ini dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Penyata ini mencerminkan kekuatan kewangan dan keupayaan Kerajaan untuk menunaikan tanggungjawab kewangan jangka pendek dan jangka panjang.

2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Penyata ini menunjukkan aliran tunai yang masuk dan keluar daripada akaun Kerajaan yang menggambarkan kecairan kewangan serta keupayaan Kerajaan untuk membiayai keperluan operasi dan pembangunan dalam tahun kewangan berkenaan.

3. Penyata Prestasi Kewangan

Penyata ini memperincikan jumlah hasil yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam tahun kewangan berkenaan. Penyata ini juga menunjukkan prestasi Kerajaan dalam merencanakan kewangan seperti yang telah dirancang berdasarkan perancangan bajet yang diluluskan.

4. Penyata Akaun Memorandum

Penyata Akaun Memorandum memperincikan berkaitan aset yang dipegang dan liabiliti yang ditanggung dalam tempoh kewangan berkenaan. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Akaun Belum Terima (ABT) dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan Pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum Liabiliti pula memperincikan liabiliti Kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang merangkumi Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

5. Nota Kepada Penyata Kewangan

Nota Kepada Penyata Kewangan merupakan butiran tambahan berkenaan dengan angka-angka yang dilaporkan dalam penyata kewangan utama. Selain itu, dasar-dasar kewangan, piawaian perakaunan serta sebarang komitmen atau liabiliti luar jangka juga turut dijelaskan dalam nota ini.

Dengan memahami komponen-komponen yang terdapat dalam PKKP, penjawat awam boleh mendapatkan pelbagai maklumat penting untuk menjalankan tugas seharian seterusnya dapat memahami keadaan kewangan negara. Situasi ini akan dapat membantu penjawat awam dalam membuat keputusan berkaitan dasar, perancangan kewangan Kerajaan dan membantu menyokong inisiatif-inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Penjawat awam boleh mendapatkan maklumat-maklumat berikut melalui PKKP:

1. Memahami Kapasiti Kewangan Kerajaan

PKKP memberi gambaran jelas tentang hasil, perbelanjaan dan hutang Kerajaan yang menentukan kemampuan Kerajaan dalam melaksanakan perancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan. Melalui maklumat ini penjawat awam dapat menilai keupayaan Kerajaan dalam membiayai projek pembangunan baharu, merangka dasar pemberian subsidi atau insentif dan juga merancang dasar fiskal Kerajaan. Sebagai contoh, jika kedudukan kewangan menunjukkan defisit yang tinggi, penyusunan semula keutamaan perbelanjaan perlu dilaksanakan dan perubahan dasar strategi penjanaan hasil yang baharu juga perlu dicadangkan.

2. Menyesuaikan Dasar Mengikut Situasi Kewangan Semasa Kerajaan

Dasar-dasar yang dilaksanakan perlu diselaraskan dengan kedudukan hasil Kerajaan yang sebenar. Jika jumlah hasil menunjukkan penurunan, dasar fiskal mungkin perlu diperketatkan dengan melaksanakan pengurangan perbelanjaan operasi dan penyusunan semula subsidi dan bantuan sosial. Dalam masa yang sama, sekiranya

3. Mengurus Hutang dan Liabiliti

PKKP memaparkan jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan serta perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan hutang Kerajaan. Dengan memahami kesan peningkatan hutang ke atas dasar fiskal Kerajaan dan kesan peningkatan faedah ke atas pembayaran balik hutang, maklumat ini dapat membantu Kerajaan membuat keputusan untuk memastikan tahap hutang Kerajaan kekal mampan. Sebagai contoh, langkah untuk mengurangkan jumlah hutang tahunan Kerajaan dan dalam masa sama melaksanakan perbelanjaan berhemah membolehkan Kerajaan mampu memenuhi komitmen pembayaran hutang tanpa membebankan perbelanjaan operasi Kerajaan dalam jangka panjang.

4. Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti

PKKP merekodkan semua hasil dan perbelanjaan Kerajaan merangkumi keseluruhan Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Maklumat-maklumat dalam PKKP merupakan laporan kewangan yang komprehensif dan perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti. Oleh yang demikian, penjawat awam dapat membantu melaksanakan langkah pembetulan dan pengukuhan kawalan dalaman ke atas setiap teguran daripada Ketua Audit Negara.

Kesimpulannya, Buku PKKP adalah lebih daripada sekadar laporan kewangan; ia adalah dokumen strategik yang boleh membantu Kerajaan dalam merancang dasar, mengurus perbelanjaan, dan mengekalkan kestabilan fiskal negara. Penjawat awam perlu memahami dan memanfaatkan maklumat dalam PKKP bagi menyokong pelaksanaan dasar yang mampan serta memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin.



MANAGEMENT TOOLS SEKTOR AWAM

Di antara senarai management tools yang boleh digunakan dalam sektor awam (*public sector*) untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan, dan nilai perkhidmatan

Activity-Based Management (ABM)

- Alat pengurusan yang menggunakan *Activity-Based Costing* (ABC) untuk mengenal pasti aktiviti yang menambah nilai atau tidak kepada organisasi.
- Tujuan: Mengoptimumkan kos dengan menambah baik aktiviti yang penting.
- Kelebihan: Memberi gambaran jelas tentang kos dan kecekapan aktiviti.

Value for Money (VFM)

Alat untuk menilai sejauh mana sumber organisasi digunakan secara efektif, efisien, dan ekonomik.

- *Economy*: Berjimat dengan mengurangkan kos.
- *Efficiency*: Menghasilkan output maksimum dengan input minimum.
- *Effectiveness*: Mencapai matlamat yang ditetapkan.

Tujuan: Memastikan pelaburan dan perbelanjaan memberi nilai yang berbaloi

Key Performance Indicators (KPIs)

- Ukuran kuantitatif yang digunakan untuk menilai pencapaian objektif strategik organisasi.
- Contoh: Pulangan atas pelaburan (ROI), kadar kepuasan pelanggan, atau produktiviti pekerja.

Balanced Scorecard (BSC)

- Alat yang menilai prestasi organisasi melalui empat perspektif (kewangan, pelanggan, proses dalaman, dan pembelajaran & pertumbuhan).
- Tujuan: Menyeimbangkan prestasi jangka pendek dan jangka panjang.

Cost-Benefit Analysis (CBA)

- Teknik yang membandingkan kos sesuatu projek atau keputusan dengan manfaat yang diperoleh.
- Tujuan: Membantu organisasi membuat keputusan yang lebih baik dan berbaloi.

Economic Value Added (EVA)

- Ukuran kewangan yang menilai keuntungan sebenar selepas menolak kos modal.
- Tujuan: Menilai sejauh mana organisasi mencipta nilai ekonomi.



RINGKASAN



Penggunaan alat pengurusan ini membantu sektor awam:

- Meningkatkan kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan.
- Menjamin akauntabiliti dan ketelusan dalam penggunaan sumber awam.
- Menilai impak program serta memastikan nilai untuk wang rakyat (VFM).

PEMANTAUAN SAGA DI BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)

1. PENGENALAN

Peralihan kepada sistem perakaunan akruan dalam sektor awam adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan kewangan. Sehubungan dengan itu, arahan pelaksanaan kepada pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (Standard Accounting for Government Agencies) SAGA ke atas Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2018 (SPANM 3/2018). Ia telah menggariskan garis panduan pemantauan pematuhan SAGA dalam agensi kerajaan.

2. LANGKAH-LANGKAH BAGI MENDAPATKAN SIJIL PEMATUHAN SISTEM PERAKAUNAN STANDARD BAGI AGENSI KERAJAAN (SAGA)

Untuk mendapatkan Sijil Pematuhan Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA), agensi kerajaan perlu mengikuti langkah-langkah berikut:



Sebagai langkah kawal selia, Mesyuarat Pemantau SAGA ditubuhkan bagi memastikan pematuhan agensi kerajaan terhadap keperluan perakaunan yang ditetapkan. Mesyuarat ini berlandaskan SPANM 3/2018, yang menggariskan garis panduan pemantauan pematuhan SAGA dalam agensi kerajaan.

3. STATUS PEMATUHAN SAGA DI KEMENTERIAN KEWANGAN

3.1 Sebanyak 13 agensi di bawah pemantauan Kementerian Kewangan (MOF), dengan enam (6) telah memperoleh SAGA Compliance (SC) dan tujuh (7) masih dalam proses pematuhan. Enam (6) Agensi yang telah mematuhi SAGA adalah:

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)
2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
3. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
4. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
5. Yayasan Laporan Kewangan (YLK)
6. Bank Simpanan Nasional (BSN)

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN YANG TELAH MENDAPAT SAGA COMPLIANCE



3.3 Tujuh (7) Agensi yang sedang dalam proses pematuhan adalah:

1. Institut Akauntan Malaysia (MIA)
2. Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)
3. Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPEPH)
4. Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
5. Lembaga Totalisator Malaysia (LTM)
6. Bank Negara Malaysia (BNM)
7. Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)

3.3 Bagi agensi yang masih dalam proses pematuhan, usaha sedang dipergiatkan oleh BAMOF untuk memastikan mereka memenuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh SAGA.

4. OBJEKTIF MESYUARAT PEMANTAU SAGA BAHAGIAN AKAUN MOF

Mesyuarat Pemantau SAGA diadakan bagi memastikan pemantauan yang sistematik terhadap pelaksanaan perakaunan akruan dalam agensi kerajaan. Antara objektif utama mesyuarat ini adalah:



Pematuhan

Memastikan garis panduan dan keperluan diikuti



Kualiti Penyata Kewangan

Meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan laporan kewangan



Pemantauan Sistem Perakaunan

Memantau pelaksanaan perakaunan akruan dan menangani isu



Pelaksanaan Dasar

Menyelaras dan memperbaiki dasar perakaunan kerajaan

5. PERANAN AGENSI DALAM PEMANTAUAN SAGA BAHAGIAN AKAUN MOF

Peranan Kritis Agensi dalam Pemantauan SAGA



6. KEPERLUAN PEMATUHAN SAGA DI BA MOF

SPANM Bil. 3/2018 menetapkan beberapa syarat utama yang mesti dipatuhi oleh agensi kerajaan antaranya:



7. KESIMPULAN

Pematuhan SAGA merupakan komponen penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem perakaunan akruan di agensi badan berkanun Persekutuan. Dengan pematuhan terhadap SPANM Bil. 3/2018, mesyuarat ini bukan sahaja memastikan ketelusan dan integriti laporan kewangan kerajaan tetapi juga menyokong kecekapan pengurusan sumber kewangan negara. Komitmen berterusan daripada semua agensi adalah penting bagi menjayakan inisiatif ini dan memastikan kemampunan kewangan sektor awam dalam jangka panjang. Setiap Agensi perlu menghadiri Mesyuarat Pemantau SAGA ini selaras dengan SPANM Bil. 3/2018 bagi memantau/ menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan.

MENGAPLIKASIKAN TAKSONOMI BLOOM DALAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI


1.0 PENGENALAN

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan kewangan negara yang telus, cekap dan berakauntabiliti. Kejayaan ini amat bergantung kepada kompetensi warga kerja yang bukan sahaja mahir dalam aspek teknikal, tetapi juga cekap dalam membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan berfikir kritikal. Oleh itu, pembangunan kompetensi yang sistematik adalah penting, dan di sinilah Taksonomi Bloom menjadi satu pendekatan yang strategik dan berimpak tinggi.

2.0 TAKSONOMI BLOOM

2.1 Takrif

Taksonomi Bloom ialah satu kerangka pendidikan yang diperkenalkan oleh Benjamin Bloom, yang membahagikan objektif pembelajaran kepada enam aras kognitif, dari aras rendah kepada tinggi:



Tahap	Deskripsi	Contoh
Pengetahuan	Mengingat fakta, istilah dan konsep	Menyatakan prinsip perakaunan kerajaan
Pemahaman	Memahami dan menjelaskan idea atau konsep	Menerangkan proses penyediaan laporan kewangan
Aplikasi	Menggunakan pengetahuan dalam situasi baharu	Mengaplikasikan piawaian perakaunan dalam laporan
Analisis	Menguraikan maklumat dan mengenal pasti hubungan	Menganalisis penyata kewangan untuk melihat tren
Sintesis	Menggabungkan idea untuk mencipta sesuatu baharu	Merancang sistem kawalan dalaman yang efisien
Penilaian	Membuat keputusan berdasarkan kriteria	Menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman

Nota: Versi moden Taksonomi Bloom juga menggunakan istilah seperti *Remember*, *Understand*, *Apply*, *Analyze*, *Evaluate* dan *Create*.

2.2 Peranan Taksonomi Bloom dalam Pembangunan Kompetensi

Taksonomi ini boleh digunakan untuk merangka program latihan berdasarkan tahap kognitif yang diperlukan bagi tugas tertentu di sesebuah jabatan. Pendekatan ini mengelakkan latihan bersifat generik dan sebaliknya memastikan pembelajaran bersifat berfasa dan progresif.

Contoh: Program Peningkatan Kompetensi dalam Bidang Audit

Tahap	Aplikasi Latihan Audit
Pengetahuan	Pengenalan kepada piawaian audit kerajaan
Pemahaman	Bengkel pemahaman proses pengauditan sektor awam
Aplikasi	Simulasi audit berdasarkan senario sebenar
Analisis	Kajian kes audit – mengenal pasti punca kelemahan kawalan
Sintesis	Merancang strategi audit yang inovatif dan bersasar
Penilaian	Menilai hasil audit serta cadangan penambahbaikan

2.3 Dapatan Kajian dan Amalan Terbaik dalam Sektor Awam

Beberapa dapatan kajian dan amalan dari agensi awam menunjukkan keberkesanan penggunaan Taksonomi Bloom dalam membina modal insan:

2.3.1 Peningkatan Prestasi & Kepuasan Kerja:

Kajian mendapati pekerja sektor awam menunjukkan prestasi kerja lebih baik apabila latihan disusun mengikut tahap Taksonomi Bloom.

2.3.2 Program Kepimpinan Berstruktur:

Agensi seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah menggunakan model ini untuk merangka latihan kepimpinan — bermula dari mengenal pasti isu sehingga kepada kebolehan menilai impak dasar awam.

2.3.3 Relevan dengan Sistem Kompetensi Sektor Awam:

Taksonomi ini boleh disepadukan dengan Sistem Kompetensi Sumber Manusia (SCSM) kerajaan, menjadikan ia lebih terarah dan mudah diukur.

3.0 KESIMPULAN

Taksonomi Bloom bukan sekadar teori pendidikan, tetapi merupakan alat praktikal untuk menstrukturkan latihan dan pembangunan kompetensi secara menyeluruh. Dengan penerapan sistematik di JANM:

- Program latihan menjadi lebih fokus dan tidak bersifat umum
- Pembelajaran disusun secara bertahap (*step-up cognitive learning*)
- Prestasi kerja dan daya saing warga JANM dapat dipertingkatkan
- Seajar dengan usaha transformasi perkhidmatan awam dan teknologi digital

4.0 RUJUKAN

- i. Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (Eds.). (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman.
- ii. Bloom, B. S. (Ed.). (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals. Handbook I: Cognitive domain*. David McKay Company.
- iii. Ministry of Finance Malaysia. (n.d.). *Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM): Fungsi dan Peranan*. Retrieved from <https://www.anm.gov.my>.
- iv. National Audit Department Malaysia. (n.d.). *Audit in the public sector: Framework and standards*. Retrieved from <https://www.audit.gov.my>.
- v. INTAN. (2020). Laporan Tahunan INTAN 2020I
- vi. Public Service Department of Malaysia. (2018). *Sistem Kompetensi Sumber Manusia Sektor Awam (SCSM)*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- vii. Abdullah, A. G. K., Bakar, N. A., & Mahbob, M. H. (2019). *Implementation of Bloom's Taxonomy in training module development: Evidence from public sector training institutes in Malaysia*. *Journal of Administrative Science*, 16(1), 45–60.
- viii. Sidek, N. M., & Mohd Noor, M. H. (2022). *Application of Bloom's taxonomy in public sector training: A case study at INTAN*. *Asian Journal of Training and Development*, 9(2), 77–89.

MAKLUMAT SIDANG PENGARANG

Penasihat

Tarmizi Bin Tamby Chik

Ketua Editor

Rene Harlene Binti Drahman

Sidang Editor

Gloria Angela James Noah

Juliana binti Saleh

Farawati binti Ismail

Datin Rozita Binti Aminuddin

Dr. Murni binti Subroto

Hanim binti Abdul Rahim

Nor Azeema Binti Omar

Anati Zawana binti Rahmat

Wan Arman bin Wan Omar

Siti Amira binti Redzuan

Siti Noorbani binti Hussain

Muhamad Ghazaly bin Ab Rahman

Muhammad Farid bin Sa'don

Nurul Adha Binti Md Daud

Rekabentuk

Amirul Hakim Bin Adlin

Sumbangan Bahan

Shaleh Bin Hussain (BPOPA)

Muhammad Ghazaly Bin Ab Rahman (BAMOF)

Siti Aishah Binti Mohamed Anwar (BAMOF)

Pusat Akademik Dan Kompetensi (IPN)

Unit Inspektorat Dan Naziran (BPOPP)

Unit Khidmat Nasihat Perakaunan & Pengurusan Perubahan (PPPA)

Diterbitkan Oleh

Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan

Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan,

No. 1, Persiaran Perdana Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 W.P Putrajaya